

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

# SEDAP KE? BERAPA HARGANYA? TENTU, MURAH...

● SEDAP ke ini?
Berapa harganya?

Barangkali begitulah tanya isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Ali, sambil menjinjing kuih selepas merasmikan pesta ria Badan Kebajikan Isteri Angkatan Tentera (BAKAT) di Keentah, Kuala Lumpur, semalam.

Manakala yang lain pula serius memerhatikan.

Tentunya, teringin juga membelinya untuk hidangan suami sebagai buah tangan dari pesta ria.

Pesta tersebut diadakan untuk memeriahkan lagi perayaan Hari Angkatan Tentera Ke-49.

Selain acara itu, pertunjukan mini tatoo dan persembahan nyanyian diadakan pada petangnya.